

**MAS Mulakan Perkhidmatan A380 Saban Hari Ke Hk Pada 1 Mei
Bernama
19 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Malaysia Airlines (MAS) akan memulakan perkhidmatan harian pesawat Airbus A380 di laluan Kuala Lumpur-Hong Kong pada 1 Mei, 2013.

Dalam satu kenyataan Jumaat, MAS berkata pesawat super jumbo dengan 494 tempat duduk itu akan menggantikan satu daripada perkhidmatan dua kali sehari pesawat Boeing B737-800 di laluan itu sekarang.

"Penerbangan MH72 dari Kuala Lumpur sekarang akan berlepas pada pukul 9.15 pagi dan tiba di Hong Kong pada pukul 1.05 tengah hari, manakala penerbangan MH73 dari Hong Kong berlepas pada pukul 2.45 petang dan tiba di Kuala Lumpur pada pukul 6.25 petang," katanya di sini Jumaat.

Hong Kong akan menjadi destinasi ketiga bagi pesawat A380 syarikat itu selepas London dan Paris.

Sempena pengenalan pesawat itu, kata MAS, syarikat penerbangan premium pilihan itu akan menawarkan tambang Kelas Ekonomi yang menarik dari Kuala Lumpur ke Hong Kong dengan pesawat A380 mulai sekarang hingga 20 Mei, 2013, bagi perjalanan dari 1 Mei hingga 30 Nov, 2013.

Ia berkata dengan tawaran hebat dari hanya RM380 bagi perjalanan sehalu dan RM760 bagi perjalanan pergi balik terangkum semua itu, pelanggan-pelanggan kini boleh mengalami perjalanan yang lebih selesa di Kelas Ekonomi A380 Malaysia Airlines yang mempunyai sejumlah 420 tempat duduk.

"Dengan A380 menggantikan B737-800, Malaysia Airlines juga akan memperkenalkan perjalanan Kelas Pertama di laluan ini.

Pesawat super jumbo ini mempunyai lapan tempat duduk Kelas Pertama, di dek utama, yang boleh dibaringkan menjadi katil yang berukuran 87 inci panjang dan 40 inci lebar, menjadikannya tempat duduk lebih lebar berbanding pesawat syarikat-syarikat penerbangan lain, katanya.

Sementara itu, kata MAS, unit pelancongannya, MASHolidays, akan menawarkan pakej percutian keluarga Hong Kong Free and Easy/City Tour selama 4Hari/3Malam pada kadar RM1416, Hong Kong Disneyland Tour/City Tour selama 4Hari/3Malam dari RM1800 dan Hong Kong Ocean Park Tour/City Tour selama 4Hari/3Malam dari RM1776.

Ia berkata pakej-pakej ini merangkumi tiket penerbangan Kelas Ekonomi pergi balik termasuk semua, penginapan berkembar di hotel terpilih bertaraf tiga atau empat bintang, lawatan dan pengangkutan (yang mana berkenaan dan seperti yang dinyatakan dalam jadual perjalanan) dan pas masuk ke Hong Kong Disneyland atau Ocean Park.

"Tempahan perjalanan dengan Malaysia Airlines boleh dibuat melalui semua saluran pengedaran utama, www.malaysiaairlines.com, nombor bebas tol 24 jam Malaysia Airlines 1-300-88-3000, pejabat tiket Malaysia Airlines dan ejen-ejen yang dilantik di seluruh Malaysia," katanya.

Bagi maklumat lanjut dan tempahan tiket pakej MASHolidays, log masuk ke <http://holiday.malaysiaairlines.com> atau hubungi 03-7863 4000.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943418>